

**The Sarawak Museum Journal****Vol. LXV No. 86****December 2008****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Awang Azman Awang Pawi. (2008). Pembangunan Kesusasteraan di Sarawak: Analisa Institusi. The Sarawak Museum Journal, LXV (86): 87-110

PEMBANGUNAN KESUSASTERAAAN DI SARAWAK: ANALISA INSTITUSI**Awang Azman Awang Pawi****PENDAHULUAN**

Bidang Kesusasteraan merupakan satu cabang khazanah terpenting dalam kebudayaan dan peradaban. Ketinggian bidang kesusasteraan menunjukkan ketinggian peradaban yang dihasilkan oleh sesebuah bangsa. Perkembangan sesebuah masyarakat akan dapat ditelusuri melalui bidang kesusasteraan yang tidak diungkapkan dalam bentuk statistik, realiti atau fakta sejarah semata-mata, sebaliknya kesusasteraan memasukkan unsur kejiwaan dan perasaan (bukan sentimen) yang kental, kehalusan daya tanggapan, dan diungkapkan dalam bentuk kata-kata yang memberikan makna setiap suku kata dan baris-baris kata dan ayat. Kesemua ini memberikan muzik makna dalam melatari inti persoalan kehidupan yang diungkapkan. Aspek inilah yang membantu memperkaya keperibadian, kehalusan peradaban dan menjernihkan pemikiran sesuatu masyarakat.

Tidak terlepas sebagai sebahagian daripada perkembangan sebuah peradaban, Sarawak turut memiliki kesusasteraannya yang tersendiri. Sekurang-kurang kesusasteraan ini dapat mengungkapkan suasana masyarakat dalam konteks ataupun dari kaca mata penulis Sarawak yang terdiri daripada tidak kurang 30 etnik kesemuanya. Ini memberikan kelainan berbanding negeri lain di Malaysia. Justeru, pembangunan kesusasteraan di Sarawak wujud dalam bentuk yang tertentu yang mencerminkan suasana Sarawak. Makalah ini Cuba memberikan suasana pembangunan kesusasteraan daripada sejarah awalnya hinggalah kepada sastera mutakhir, dalam konteks sumbangan institusi.

PEMBANGUNAN KESUSASTERAAN DI SARAWAK: ANALISA INSTITUSI

oleh

Awang Azman Awang Pawi

PENDAHULUAN

Bidang kesusasteraan merupakan satu cabang khazanah terpenting dalam kebudayaan dan peradaban. Ketinggian bidang kesusasteraan menunjukkan ketinggian peradaban yang dihasilkan oleh sesebuah bangsa. Perkembangan sesebuah masyarakat akan dapat ditelusi melalui bidang kesusasteraan yang tidak diungkapkan dalam bentuk statistik, realiti atau fakta sejarah semata-mata, sebaliknya kesusasteraan memasukkan unsur kejiwaan dan perasaan (bukan sentimen) yang kental, kehalusan daya tanggapan, dan diungkapkan dalam bentuk kata-kata yang memberikan makna setiap suku kata dan baris-baris kata dan ayat. Kesemua ini memberikan muzik makna dalam melatari inti persoalan kehidupan yang diungkapkan. Aspek inilah yang membantu memperkaya keperibadian, kehalusan peradaban dan menjernihkan pemikiran sesuatu masyarakat.

Tidak terlepas sebagai sebahagian daripada perkembangan sebuah peradaban, Sarawak turut memiliki kesusasteraannya yang tersendiri. Sekurang-kurang kesusasteraan ini dapat mengungkapkan suasana masyarakat dalam konteks ataupun dari kaca mata penulis Sarawak yang terdiri daripada tidak kurang 30 etnik kesemuanya. Ini memberikan kelainan berbanding negeri lain di Malaysia. Justeru, pembangunan kesusasteraan di Sarawak wujud dalam bentuk yang tertentu yang mencerminkan suasana Sarawak. Makalah ini cuba memberikan suasana pembangunan kesusasteraan daripada sejarah awalnya hinggalah kepada sastera mutakhir, dalam konteks sumbangan institusi.

Latar Pembangunan Sastera Sarawak

Secara rasminya Mohamad Bujang pernah menulis cerpen pertama di Sarawak yang disiarkan dalam akhbar *Warta Malaya* pada 1937, dan pernah menulis dalam *Warta Abad* dan *Warta Jenaka*. Betapapun, sebelum itu Sarawak yang memiliki kepelbagaian etnik sepatutnya mempunyai tradisi lisan yang cukup kaya, akan tetapi belum dikaji secara serius dan mendalam. Sedangkan bentuk sastera inilah yang paling awal dan paling akrab dengan masyarakat di Sarawak. Sekadar contoh, antaranya terdapat pantun dan cerita penglipur lara seperti *Hikayat Bidayuh*, cerita binatang seperti *Beruang dengan Kura-kura* (Bidayuh), cerita jenaka seperti *Apai Salui Menjual Tempoyak* (Iban) dan cerita asal-usul seperti *Cerita Batu Gading* (Kenyah). Sastera ini pada masa dahulu cukup terkenal tetapi kini semakin menipis di kalangan generasi selepas Dasar Ekonomi Baru dan generasi Wawasan 2020. Aktivis Sarawak, Zaini Ozea (1988: 15-29) pernah membuat rumusan bahawa pembicaraan tentang cerita rakyat agak terlalu umum sifatnya di Sarawak. Walau bagaimanapun, cerita lisan cukup memberi kesan ke atas perkembangan awal kesusasteraan di Sarawak, khususnya dari segi gaya penceritaan.

Pembangunan Penerbitan Buku Sastera di Sarawak

Fakta sejarah perkembangan sastera mencatatkan bahawa Sarawak menyumbangkan novel pertama di Malaysia. Ini disahkan dalam disertasi kedoktoran falsafah Hashim Awang yang berjudul *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu* yang diterbitkan oleh Fajar Bakti. Walau bagaimanapun, novel pertama ini masih mempunyai pengaruh hikayat, sebab itu Hashim Awang menamakannya sebagai novel hikayat.

Hikayat Panglima Nikosa juga diperakui oleh Philip Lee Thomas dan R.H.W. Reece (1983) sebagai yang terawal. *Hikayat Panglima Nikosa* dikarang oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Buku ini mencatatkan sejarah sebagai buku sastera pertama yang ditulis secara individu dengan mempunyai nama pengarang. Ini memecahkan konsep tradisi sastera rakyat yang bercirikan seseorang pengarang tidak dikenali namanya atau tidak mahu dikenali. Malah konsep

kepengarangan sastera milik bersama sudah tidak terdapat dalam teks ini. *Hikayat Panglima Nikosa* wujud sejak 30 Jun 1876, ini bermakna penerbitan buku sastera di Sarawak telah bermula atau wujud 126 tahun yang lampau.

Naskhah *Hikayat Panglima Nikosa* ialah hasil koleksi Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan di Labuan selama 29 tahun sebelum menjadi Residen Perak (1877-1889) (Hamzah Hamdani, 1988: 181). Naskhah ini dijumpai di Perpustakaan Rhodes, Oxford, London (R.H.W. Reece dan P.L. Thomas, 1983: 1). Pada akhir cerita dalam *Hikayat Panglima Nikosa* diberikan catatan berikut:

Lithographed in the state of Sarawak in Kuching on Persinggahan Hill on the 8th day of the month of Jamadil-akhir 1293 sanat, on the 30th day of June 1876. The one who undertook this task and printed it was Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid¹.

Yang penting dalam penerbitan *Hikayat Panglima Nikosa* oleh Ahmad Shawal ini ialah kesedaran pengarangnya untuk menyebarkan cerita dalam bentuk litografi² atau percetakan batu. Ini merupakan kesedaran awal orang Melayu dalam dunia bacaan yang terawal yang dapat ditemui setakat ini. Selepas itu bentuk penerbitan yang ditemui adalah dalam bentuk akhbar *Fajar Sarawak*.

Selepas penerbitan *Fajar Sarawak* pada 1930 yang diusahakan oleh Muhammad Rakawi Yusuf bersama-sama teman nasionalis lainnya menemui kegagalan³, beliau mengusahakan penerbitan novel beliau sendiri pada 1932. Novel itu ialah *Melati Sarawak* yang merupakan novel kedua (dengan mengandaikan novel hikayat itu juga termasuk dalam kategori novel) yang diterbitkan di Sarawak⁴. *Melati Sarawak* diterbitkan dalam tulisan Jawi setebal 116 halaman dengan dicetak sendiri oleh syarikatnya The Sarawak Printing Company (Philip L. Thomas, 1983: 1)⁵. Rakawi mempunyai kedai bukunya sendiri yang dikongsi bersama-sama keluarga dan rakan yang terletak di India Street. Disebabkan faktor geografi, pengedaran *Melati Sarawak* ketika itu agak tidak meluas. Faktor banjir dan suasana Perang Dunia Kedua tidak menggalakkan perkembangannya. Selain itu, Muhammad Rakawi juga menulis dan menerbitkan buku sejarah